

19/02/2004

Dr Mahathir untuk MSL Sdn Bhd?

Isma Nizal

SABAN hari semenjak 10 tahun yang lampau saya mengikuti perkembangan sukan bola sepak tanah air dengan penuh minat. Akhirnya, saya terpaksa akur bahawa perkembangan bola sepak negara memang kurang berkembang, malah boleh dikatakan menurun.

Saya berasa peranan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) perlu dipertingkatkan. Memang tidak dinafikan pelbagai usaha diambil sehinggakan diwujudkan Liga Super untuk menarik peminat kembali ke stadium, tetapi setakat ini ia masih belum menampakkan sebarang peningkatan dalam standard permainan.

Di sini saya tidak ingin menyalahkan sesiapa atas kemunduran kita dalam dunia bola sepak tetapi saya ingin mencadangkan meletakkan seseorang yang mempunyai daya pemikiran tajam, kritis dan berwawasan seperti bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam Malaysia Super League (MSL) Sdn Bhd.

Pada pendapat saya, sekiranya seorang Dr. boleh memimpin negara kita selama 20 tahun lebih, takkan beliau tak boleh memimpin bola sepak kita keluar dari kepompong kemunduran?

Dengan pemimpin berwibawa sepertinya, saya harap peminat-peminat bola sepak yang beralih kepada English Premier League (EPL) akan turut menonton bola sepak tempatan.

isma nizal

isma\_mbbssc@yahoo.com.sg